



Jumaat – 19 Februari 2021

Halaman : 16

Masalah capaian internet di enam lokasi sedang diatasi

CYBERJAYA – Enam lagi lokasi di empat buah negeri yang berdepan masalah capaian internet diberi perhatian dan tindakan segera oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Ia membabitkan dua lokasi di Selangor iaitu Kampung Sri Kledang (Hulu Selangor) dan Kampung Sungai Tengar, Tebuk Mufrad (Sabak Bernam); Kampung Orang Asli Tasik Mentiga (Pahang) dan Kampung Kuala Betis (Gua Musang, Kelantan).

Dua lagi lokasi ialah Kampung Payong (Setiu, Terengganu) serta Kampung Bukit Chempedak, Kampung Jerong Seberang, Kampung Jerong Surau dan Kampung Jerong Tuan di Pengkalan Berangan, Marang.

SKMM berkata, tindakan proaktif itu penting bagi memastikan penduduk di kampung terjejas menikmati capaian internet berkualiti.

Menurutnya, pihaknya kini sedang membina sebuah menara

baharu di Kampung Sri Kledang yang bakal beroperasi akhir Mac ini, manakala sebuah menara telekomunikasi di bawah pelan Jalinan Digital Negara dijangka dibina awal tahun depan.

“Bagi Kampung Sungai Tengar pula, kami sudah arahkan supaya syarikat telekomunikasi laksanakan pengoptimum antena menara telekomunikasi yang dijangka siap akhir bulan ini.

“Selain itu, kami juga sudah arahkan pihak Celcom untuk melaksanakan kerja-kerja pengoptimum rangkaian bagi menangani kelemahan liputan di Kampung Orang Asli Tasik Mentiga dan ia dijangka siap akhir Mac ini,” katanya di sini semalam.

SKMM berkata, pihaknya turut mengarahkan sedia perkhidmatan telekomunikasi untuk laksanakan kerja-kerja pengoptimum bagi mengatasi masalah capaian internet di Kampung Kuala Betis seperti yang dilaporkan Kosmo! sebelum ini.

Kata SKMM, pihaknya juga



sedang menyemak kualiti liputan rangkaian telekomunikasi di Kampung Payong dan sebuah menara telekomunikasi akan dinaiak taraf bermula suku kedua tahun ini.

Sementara itu, SKMM berkata, bagi empat buah kampung di Marang pula, pihaknya akan menaik taraf menara telekomunikasi di kawasan itu yang dijangka bermula suku kedua tahun ini selain membina menara telekomunikasi baharu awal tahun depan.

Ujarnya, SKMM memantau tindakan langkah susulan agar masalah capaian Internet di seluruh negara dapat ditangani.